

Bilangan mangsa di Pekan paling tinggi diikuti Rompin dan Raub

Banjir di Pahang semakin serius

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

KUANTAN - Bilangan mangsa banjir di Pahang terus meningkat kepada 1,457 orang melibatkan 376 keluarga berbanding hanya 401 orang daripada 106 keluarga yang dicatatkan kelmarin.

Peningkatan tersebut didorong pertambahan bilangan mangsa di Pekan dan Rompin selain daerah Raub yang kembali dilanda banjir kilat.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Pahang, Zainal Yusoff berkata, bilangan mangsa banjir di Pekan bertambah kepada 1,210 orang melibatkan 310 mangsa dan merupakan daerah paling terjejas dalam gelombang bencana kali ini.

"Pertambahan jumlah penduduk yang dipindahkan di Pahang turut melibatkan peningkatan bilangan mangsa di Rompin daripada 118 orang (kelmarin) kepada 238 orang (semalam).



MANGSA banjir menikmati makanan yang disediakan di pusat pemindahan di SK Permatang Keledang, Kuantan semalam.

"Satu lagi pusat pemindahan baharu dibuka di Rompin iaitu di Balai Raya Setajam melibatkan 104 mangsa daripada 26 keluarga. Raub pula kembali dilanda banjir kilat membabitkan sembilan mangsa daripada tiga keluarga yang kini ditempatkan

di Masjid Kampung Kuala Semantan," ujarnya dalam satu kenyataan semalam.

Zainal menambah, peningkatan itu turut menyaksikan sebanyak empat pusat pemindahan baharu dibuka di Pekan berbanding hanya enam buah

INFO

Banjir di Malaysia 2018

Negeri	Bilangan Mangsa	Keluarga	Jumlah pusat pemindahan
Pahang (Sehingga pukul 4 petang)	1,457	376	6
Johor (Sehingga pukul 4 petang)	965	266	4

yang beroperasi kelmarin.

Pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Temai, Pekan mencatat bilangan tertinggi iaitu 374 mangsa melibatkan 94 keluarga.

"SK Permatang Keledang pula mencatat bilangan mangsa kedua tertinggi di Pekan iaitu seramai 322 orang daripada 81 keluarga," tambahnya.

Keadaan cuaca yang berterusan hujan di negeri itu pada kadar sederhana lebat bermula awal pagi semalam turut dibimbangi memburukkan keadaan.

ORANG ramai yang memerlukan bantuan ketika musim banjir boleh menghubungi talian berikut:

1. Talian kecemasan: 999
2. Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Jabatan Perdana Menteri: 03-8064 2400 (24 jam)
3. Pusat Kawalan Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM): 03-2687 1496 (24 jam)